

U 8877 BAH
MAHKAMAH - FEER

(I)

KUALA LUMPUR, 26 MAC (BERNAMA) -- SEORANG PEGUAM MENDAKWA DI MAHKAMAH TINGGI DI SINI HARI INI BAHAWA TINDAKAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI YANG MENAHAN DAN KEMUDIAN MELEPASKAN MAJALAH ASING YANG MEMUATKAN RENCANA YANG MENDAKWA PERDANA MENTERI TELAH BERBINCANG MENGENAI KEMUNGKINAN PENJUALAN LIMBANG DI SARAWAK KEPADA BRUNEI DARUSSALAM, MEMBAWA MAKSUD BAHAWA MENTERI DALAM NEGERI +MEMBENARKAN+ PENERBITAN RENCANA ITU.

+JIKA INI BUKAN +KEBENARAN+, SAYA TIDAK TAHU APA YANG ANDA HENDAK MENYEBUTNYA,+ KATA ENCIK MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH, YANG MEWAKILI FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) DAN PENGARANGNYA, DEREK DAVIES.

FEER DAN PENGARANGNYA DISAMAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERHUBUNG DENGAN SATU RENCANA DALAM MAJALAH ITU KELUARAN 21 MEI, 1987.

PEGUAM ITU BERKATA SEORANG PEGAWAI YANG MERAMPAS MAJALAH BERKENAAN DI LAPANGAN TERBANG MERUJUK RENCANA ITU KEPADA KEMENTERIAN.

+MAJALAH ITU DITAHAN SELAMA SEKURANG-KURANGNYA ENAM HARI TETAPI KEMUDIAN IA DILEPASKAN TANPA APA-APA +PEMADAMAN+ LEH KEMENTERIAN,+ KATA ENCIK SHAFEE KETIKA MENGHUJAH BAHAWA INI BERMAKNA BAHAWA MENTERI BERKENAAN MEMBENARKAN PENERBITAN RENCANA ITU. -- LAGI.

1944MST 25 03 88

U 8879 DEB

MAHKAMAH - FEER. 2 KUALA LUMPUR

(I)

ENCIK SHAFEE BERHUKUM TERHADAP PERMOHONAN OLEH KEDUA-DUA DEFENDAN UNTUK MEMASUKKAN MENTERI DALAM NEGERI DAN KERAJAAN SEBAGAI PIHAK KETIGA DALAM SAMAN MALU YANG DIKEMUKAKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR OGOS LALU.

DALAM PERMOHONAN LAIN, PERDANA MENTERI MEMINTA KEDUA-DUA DEFENDAN MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER YANG MEREKA DAKWA PADA MASA LEPAS JERBUKTI SEBAGAI BOLEH DIPERCAYAI.

DALAM KENYATAAN MEMBELA DIRI YANG DIKEMUKAKAN OKTOBER LALU, KEDUA-DUA DEFANDAN ANTARA LAIN, MENDAKWA BAHAWA RENCANA ITU DISIARKAN HASIL MAKLUMAT YANG DITERIMA DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG PADA MASA LALU TERBUKTI BOLEH DIPERCAYAI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MAHU BUTIRAN BAGI SETIAP KEJADIAN YANG DEFENDAN-DEFANDAN MENDAKWA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER YANG DIKATAKAN ITU TERBUKTI BOLEH DIPERCAYAI, BILA DAN DI MANA MAKLUMAT ITU DITERIMA DAN DALAM BENTUK APA MAKLUMAT DIBERI.

MAJALAH YANG BERIBU PEJABAT DI HONG KONG ITU, DALAM KELUARAN 21 MEI, 1987 MENYIARKAN RENCANA YANG MENDAKWA PERDANA MENTERI TELAH BERBINCANG MENGENAI KEMUNGKINAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM PADA HARGA PERMULAAN AS\$6,000 JUTA (M\$15,000 JUTA) SEMASA LAWATANNYA KE NEGARA ITU MAC TAHUN LALU. -- LAGI.

1950MST 25 03 88

U B892 DEB
MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR

(I)

DALAM SAMAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, ANTARA LAIN MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN DALAM RENCANA ITU YANG MENYENTUHNYA DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, DALAM PENGERTIAN BIASA, DIFAHAMKAN MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG BERCAANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA AKIBAT PENERBITAN RENCANA ITU, NAMA BAIKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERCEMAR DAN MENDEDAHKANNYA KEPADA PENGHINAN DAN CEMUHAN MASYARAKAT.

SEMASA MEMBELA DIRI, KEDUA-DUA DEFENDAN MENAFIKAN YANG RENCANA ITU MEMBAWA MAKSUD UNTUK MEMFITNAH PERDANA MENTERI.

MEREKA MENDAKWA BAHAWA JIKA PERKATAAN-PERKATAAN ITU FITNAH, IA DISIARKAN MENGIKUT HAK ISTIMEWA DAN ANTARA LAIN MENDAKWA, BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MEWAKILI KABINET DAN KERAJAAN, IALAH SEORANG TOKOH YANG DIKENALI DI MALAYUSIA, NEGARA-NEGARA JIRAN DAN DUNIA.

ENCIK SHAFEE BERKATA PEGAWAI BERKENAN BERTANGGUNGJAWAB MENYIASAT ATAU +BERTINDAK TERHADAPNYA+ JIKA MENGESYAKI MANA-MANA RENCANA MELANGGAR SEKSYEN 9 (1) AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984. --
LAGI.

2007MST 25 03 88

0047

U B894 DEB
MAHKAMAH - FEER 4 KUALA LUMPUR

(I)

SEKSYEN 9 (1) AKTA ITU MENYEBUT: +TANPA MENJEJASKAN APA-APA JUA DALAM AKTA INI, SEORANG PEGAWAI KANAN YANG DIBERI KUASA BOLEH MENOLAK PENGIMPORAN KE MALAYSIA ATAU MENAHAN PENGHANTARSERAHAN ATAU MENGEMBALIKAN KEPADA PENGIRIMNYA DI LUAR MALAYSIA APA-APA HASIL PENERBITAN YANG DIA BERPUAS HATI MENGANDUNGI APA-APA MAKALAH, KARIKATUR, FOTOGRAF, LAPORAN, NOTA, TULISAN, BUNYI, MUZIK, KENYATAAN ATAU APA-APA PERKARA LAIN YANG MUNGKIN MEMUDARATKAN KETENTERAMAN AWAM, KEMORALAN, KESELAMATAN ATAU YANG MUNGKIN MENGGEMPARKAN FIKIRAN ORANG RAMAI, ATAU YANG MUNGKIN BERLAWANAN DENGAN MANA-MANA UNDANG-UNDANG ATAU YANG SELAINNYA MEMUDARATKAN ATAU MUNGKIN MEMUDARATKAN KEPENTINGAN AWAM ATAU KEPENTINGAN NEGARA.+

ENCIK SHAFEE BERKATA EDISI SELANJUTNYA MAJALAH ITU YANG MENYIARKAN KENYATAAN MEMINTA MAAF KEPADA PERDANA MENTERI JUGA DILEPASKAN TANPA SEBARANG PEMADAMAN.

PERBICARAAN DI HADAPAN HAKIM DATUK AJAIB SINGH BERSAMBUNG PADA HARI ISNIN. -- BERNAMA.

2016MST 25 03 88